



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan
Yang di-Pertua - Yang di-Pertua Negeri 1983**

DR.16/1983

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN
WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI
RAJA-RAJA DAN YANG DI-PERTUA-YANG
DI-PERTUA NEGERI 1983**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

KUMPULAN WANG DAN LEMBAGA

3. Penubuhan dan pengurusan Kumpulan Wang.
4. Kuasa Lembaga untuk menerima pemberian, derma, dsb.
5. Anggota-anggota Lembaga.
6. Hilang kelayakan anggota.
7. Pemecatan dari jawatan.
8. Kuasa Majlis untuk memberi arahan.

BAHAGIAN III

MATLAMAT KUMPULAN WANG

9. Belanja menguruskan Kumpulan Wang dan matlamat Kumpulan Wang.
10. Syarat-syarat kurniaan pengajian.
11. Terma-terma kurniaan pengajian.
12. Kuatkuasa Akta ini.
13. Kurniaan pengajian terhenti dalam kes-kes tertentu.

BAHAGIAN IV

AM

Fasal

14. Peguam Persekutuan diberi kuasa untuk hadir bagi pihak Lembaga.
15. Kuasa-kuasa Lembaga untuk melabur.
16. Audit dan akaun.
17. Meterai Lembaga.
18. Perlantikan pegawai dan pengkhidmat.
19. Perwakilan oleh Lembaga.
20. Tanggungan terhadap kerugian dalam pelaburan.
21. Kaedah-kaedah.
22. Pengerusi hendaklah melaporkan kepada Majlis jika wang, dsb., Kumpulan Wang tidak mencukupi.
23. Memindahmilikkan ke dalam Kumpulan Wang akan wang yang ada dalam tangan penganjur.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri 1983, dan adalah terpakai di seluruh Malaysia.

Tajuk
ringkas dan
pemakaian.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Lembaga” ertinya Lembaga Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri yang ditubuhkan di bawah seksyen 5;

“Majlis” ertinya Majlis Raja-Raja yang ditubuhkan di bawah Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan.

BAHAGIAN II

KUMPULAN WANG DAN LEMBAGA

Penubuhan
dan
pengurusan
Kumpulan
Wang.

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri.

(2) Kawalan dan pengurusan Kumpulan Wang, dengan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, hendaklah diletakhakkan pada Lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri, yang disebut "Lembaga" dalam Akta ini, yang hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai am dengan kuasa untuk mendakwa dan didakwa, memegang apa-apa harta alih atau harta tak alih, membuat kontrak dan, dengan tertakluk kepada apa yang diperuntukkan kemudian dari ini, memindah-hak, menyerah-hak, menyerah balik, menggadaikan, memajak atau selainnya melupuskan harta alih atau harta tak alih yang diletakhakkan pada Lembaga mengikut apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut.

Kuasa
Lembaga
untuk
menerima
pemberian,
derma, dsb.

4. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa menurut budi bicaranya untuk menerima apa-apa pemberian, derma, endowmen, hadiah atau bekues yang dibuat untuk atau bagi kepentingan Kumpulan Wang.

Anggota-
anggota
Lembaga.

5. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi dan empat orang anggota yang dilantik oleh Majlis dari antara Menteri Besar dan Ketua Menteri.

(2) Pengerusi dan anggota-anggota Lembaga, dengan tertakluk kepada seksyen 6 dan 7, hendaklah dilantik bagi tempoh dua tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga.

(4) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali dalam setahun di mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi dan dalam mana-mana mesyuarat Lembaga, Pengerusi dan dua orang anggota adalah menjadi kuorum.

(5) Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(6) Dengan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Lembaga mempunyai kuasa untuk menetapkan acaranya sendiri.

(7) Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.

6. Seseorang anggota Lembaga hendaklah hilang kelayakan dari memegang jawatan jika anggota itu terhenti dari menjadi Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Hilang kelayakan anggota.

7. (1) Majlis, pada bila-bila masa, boleh memecat dari jawatan mana-mana anggota Lembaga dan melantik seseorang lain menggantikan tempatnya.

Pemecatan dari jawatan.

(2) Tanpa menjejaskan kuasa pemecatan di bawah subseksyen (1), Majlis boleh memecat dari jawatan mana-mana anggota Lembaga yang pada pendapat Majlis tidak berupaya melaksanakan kewajipan-kewajipannya sebagai seorang anggota Lembaga oleh sebab keuzuran.

8. Majlis, dari semasa ke semasa, boleh memberi arahan-arahan kepada Lembaga yang tidak berlawanan dengan Akta ini mengenai dasar yang akan diikuti dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberi dan kewajipan-kewajipan yang dipertanggungjawabkan ke atas Lembaga oleh atau di bawah Akta ini dan Lembaga hendaklah melaksanakan semua arahan itu.

Kuasa Majlis untuk memberi arahan.

BAHAGIAN III

MATLAMAT KUMPULAN WANG

9. (1) Semua perbelanjaan yang bersampingan dengan pengurusan Kumpulan Wang hendaklah dibayar dari wang Kumpulan Wang sebagai keutamaan dari apa-apa pembayaran lain.

Belanja menguruskan Kumpulan Wang dan matlamat Kumpulan Wang.

(2) Baki Kumpulan Wang selepas membayar perbelanjaan-perbelanjaan yang tersebut dalam subseksyen (1), dengan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, hendaklah digunakan bagi maksud mengurniakan beberapa dermasiswa, biasiswa, pemberian pengajian, pinjaman pengajian atau apa-apa

kurniaan pengajian lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa yang akan dikurniakan kepada orang-orang untuk membolehkan orang-orang itu mengikut apa-apa kursus pengajian sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Syarat-syarat kurniaan pengajian.

10. Sebelum membuat apa-apa kurniaan pengajian di bawah Akta ini, Lembaga hendaklah mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan perlu.

Terma-terma kurniaan pengajian.

11. (1) Semua penerima dermasiswa, biasiswa, pemberian pengajian, pinjaman pengajian atau apa-apa kurniaan pengajian lain yang dikurniakan di bawah Akta ini hendaklah menjadi, dan sepanjang tempoh pemegangan itu terus menjadi, pelajar di tempat pengajian yang diluluskan oleh Lembaga dan hendaklah mengikuti pengajiannya di situ dengan memuaskan hati Lembaga.

(2) Jika mana-mana penerima kurniaan pengajian yang dibuat di bawah Akta ini melanggar apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Lembaga atau dengan apa jua cara berkelakuan tidak baik, maka oleh kerana itu dia boleh dilucutkan dari kurniaan itu.

Kuatkuasa Akta ini.

12. (1) Peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada dan bukanlah mengurangkan mana-mana undang-undang bertulis lain berhubungan dengan peruntukan-peruntukan dermasiswa, biasiswa, pemberian pengajian, pinjaman pengajian atau apa-apa kurniaan pengajian lain yang berkuatkuasa di mana-mana bahagian Persekutuan.

(2) Jika pada bila-bila masa Lembaga berpendapat bahawa disebabkan sesuatu hal keadaan, sesuatu kurniaan di bawah Akta ini tidak patut diberi atau jika terdapat dalam mana-mana tahun tiada seorang pun calon yang pada pendapat Lembaga layak menerima apa-apa kurniaan pengajian di bawah Akta ini, maka, tiada kurniaan pengajian akan dibuat pada tahun itu dan wang yang sepatutnya diuntukkan bagi kurniaan pengajian tersebut akan diuruskan sebagai mana yang diperuntukkan kemudian dari ini dalam Akta ini.

13. Lembaga boleh berhenti dari memperuntukkan, menyenggara atau membantu mana-mana penerima kurniaan pengajian di bawah Akta ini yang telah melanggar atau gagal mematuhi terma atau syarat yang dikenakan oleh Lembaga mengikut Akta ini atau jika Lembaga berpendapat bahawa tidak lagi menguntungkan atau berpatutan untuk diteruskan pengajian penerima itu selanjutnya disebabkan kemajuan pengajiannya yang tidak memuaskan, salahlaku atau uzur :

Kurniaan
pengajian
terhenti
dalam
kes-kes
tertentu.

Dengan syarat bahawa dalam sesuatu kes penghentian kurniaan pengajian, Lembaga hendaklah membayar semua perbelanjaan yang perlu untuk membawa pulang penerima dan orang tanggungannya, jika ada, ke Persekutuan, jika mereka telah meninggalkan Malaysia atas arahan atau dengan kelulusan Lembaga.

BAHAGIAN IV

AM

14. Mana-mana Peguam Persekutuan, atau mana-mana peguambela atau peguamcara yang diperkenankan oleh Majlis, boleh hadir bagi pihak Lembaga dan berguam serta melakukan apa-apa perkara lain yang perlu berkenaan dengan apa-apa guaman dalam mana-mana mahkamah di Malaysia mengenai apa-apa langgaran syarat sesuatu kurniaan pengajian yang dibuat oleh Lembaga di bawah Akta ini.

Peguam
Persekutuan
diberi kuasa
untuk hadir
bagi pihak
Lembaga.

15. Wang Kumpulan Wang boleh dilaburkan oleh Lembaga dalam pelaburan-pelaburan yang pada masa itu dibenarkan oleh undang-undang berkenaan dengan pelaburan wang amanah :

Kuasa-
kuasa
Lembaga
untuk
melabur.

Dengan syarat bahawa Lembaga tidak boleh membuat apa-apa pelaburan dalam sekuriti-sekuriti yang dikeluarkan atau didaftarkan atau dalam harta-harta lain yang berada di luar Persekutuan kecuali dengan diperkenankan secara bertulis oleh Majlis.

16. Peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai bagi Lembaga.

Audit dan
akaun.
Akta 240.

**Meterai
Lembaga.**

17. (1) Meterai am Lembaga hendaklah tersimpan dalam jagaan Setiausaha dan tidak boleh dilekatkan ke atas mana-mana suratcara kecuali di hadapan Pengerusi, Setiausaha atau mana-mana anggota lain Lembaga yang dibenarkan oleh Pengerusi.

(2) Mana-mana suratcara yang mengandungi meterai Lembaga yang telah dilekatkan dengannya dan telah diakusaksikan hendaklah disifatkan telah dibuat oleh Lembaga.

**Perlantikan
pegawai
dan peng-
khidmat.**

18. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melantik pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga sebagaimana yang perlu untuk menjalankan fungsi-fungsi Lembaga.

**Perwakilan
oleh
Lembaga.**

19. Lembaga, melalui suratcara bertulis di bawah meterai am Lembaga, boleh mewakilkan kepada mana-mana orang atau badan apa-apa kewajipannya sebagai-mana yang perlu untuk dilaksanakan di dalam atau di luar Persekutuan:

Dengan syarat bahawa mana-mana orang atau badan sedemikian itu tidak mempunyai kawalan ke atas Kumpulan Wang dan hendaklah bertindak dalam semua hal mengikut arahan Lembaga.

**Tanggungan
terhadap
kerugian
dalam
pelaburan.**

20. Tiada seorang pun anggota Lembaga bertanggung terhadap apa-apa kerugian yang timbul dari atau yang bergantung kepada apa-apa pelaburan yang dibuat melainkan jika kerugian itu disebabkan kecuaiian sengaja, fraud atau kecurangannya; dan tiada seorang pun anggota Lembaga, ejen atau orang yang bertindak dengan kebenaran Lembaga akan bertanggung sendiri terhadap apa-apa tindakan atau prosiding kerana atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan, perkara atau benda yang dilakukan atau tidak dilakukan dengan suci hati dan dalam menjalankan dengan sewajarnya mana-mana hak atau kuasa Lembaga atau anggota-anggotanya.

**Kaedah-
kaedah.**

21. (1) Lembaga dari semasa ke semasa dengan diperkenankan oleh Majlis boleh membuat kaedah-kaedah untuk menjalankan dengan sewajarnya mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan kuasa-kuasa yang tersebut di atas, kaedah-kaedah itu boleh—

- (a) menetapkan kurniaan pengajian, syarat-syarat yang akan dipatuhi dan kelayakan yang dimiliki oleh calon-calon;
- (b) membuat peruntukan mengenai pembayaran gaji dan elaun dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga;
- (c) membuat peruntukan mengenai penubuhan dan pengurusan skim persaraan atau skim kumpulan wang simpanan bagi pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya.

22. (1) Jika pada bila-bila masa wang atau aset-aset lain Kumpulan Wang adalah pada pendapat Lembaga tidak mencukupi untuk membayar perbelanjaan Kumpulan Wang dan pembayaran-pembayaran lain, Pengerusi Lembaga hendaklah membuat dengan serta-merta satu laporan mengenai fakta itu kepada Majlis.

Pengerusi hendaklah melaporkan kepada Majlis jika wang, dsb., Kumpulan Wang tidak mencukupi.

23. Apabila Akta ini mula sahaja berkuatkuasa semua wang dan aset-aset lain yang berada dalam jagaan, kawalan atau pengurusan mana-mana orang menurut apa-apa kuasa jua pun dan didermakan kepada Kumpulan Wang atau diterima oleh orang tersebut terlebih dahulu daripada pemasyhuran Akta ini bersama dengan apa-apa faedah atau dividen yang terakru ke atasnya hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang dan hendaklah dipindah-milik kepada Lembaga dan diletakhakkan padanya.

Memindah-milikkan ke dalam Kumpulan Wang akan wang yang ada dalam tangan penganjur.

HURAIAN

Majlis Raja-Raja dalam tahun 1967 telah menganjurkan suatu Kumpulan Wang dengan tujuan untuk membantu penuntut-penuntut yang memerlukan bantuan yang ada kebolehan tetapi tidak mempunyai kemampuan untuk meneruskan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang sains, kejuruteraan, undang-undang, perubatan dan profesion-profesion yang lain.

2. Rang Undang-Undang ini bertujuan menubuhkan suatu Kumpulan Wang yang mengikut undang-undang disebut Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri, dan menubuhkan suatu Lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri untuk menguruskan Kumpulan Wang itu. Lembaga tersebut dijadikan suatu pertubuhan perbadanan, dan Rang Undang-Undang ini memberi kuasa yang perlu baginya untuk menguruskan Kumpulan Wang tersebut mengikut tujuan-tujuannya.

3. Bahagian II Rang Undang-Undang ini, antara lainnya, adalah berhubungan dengan penubuhan dan pengurusan Kumpulan Wang, perantikan anggota Lembaga dan kuasa-kuasa Majlis untuk mengeluarkan arahan-rahan. Matlamat Kumpulan Wang dan syarat-syarat dan terma-terma kurniaan pengajian ada diperuntukkan dalam Bahagian III. Pelbagai perkara lain seperti kuasa pelaburan, audit dan akaun, perantikan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga dan kuasa untuk membuat kaedah-kaedah ada terkandung dalam Bahagian IV.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1192.]